

Bajet 2022: Tiada yang tercicir

Ulm-28/10/2021 m/s: 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menekankan, tiada golongan yang tercicir mendapat faedah daripada Bajet 2022.

Ismail Sabri berkata, semua Keluarga Malaysia sama ada rakyat dan peniaga terutamanya yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19 akan mendapat faedah menerusi belanjawan tersebut.

Beliau menambah, kerajaan akan meneruskan program bantuan dan sokongan kepada rakyat dan perniagaan untuk memastikan momentum pemulihan akibat krisis pandemik terhadap kesihatan awam dan ekonomi negara tidak terencat.

“Melalui Bajet 2022 ini, kerajaan akan berusaha untuk memastikan keterangkuman iaitu tiada pihak yang layak akan tercicir, sama ada golongan rakyat mahupun perniagaan dalam menerima bantuan dan sokongan kerajaan terutamanya pihak yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.

“Semua akan dapat fae-



ISMAIL Sabri Yaakob ditemu bual mengenai Bajet 2022 di Putrajaya, semalam. - GAMBAR PEJABAT PERDANA MENTERI

dah dari bajet yang akan diumumkan nanti, ini Bajet Keluarga Malaysia dan inputnya daripada rakyat, untuk rakyat yang juga akan memberikan kelegaan dan kegembiraan kepada rakyat, ada wow faktor padanya,” katanya dalam sesi wawancara bersama Perdana

Menteri mengenai Bajet 2022 semalam.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam membantu rakyat walaupun mempunyai kekangan kewangan dan kerajaan sebelum ini telah melaksanakan lapan pakej bantuan

dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion.

Beliau berkata, Bajet 2022 akan terus menyokong pemulihan negara melalui dasar fiskal yang mengembang dan dirangka berdasarkan tiga keperluan utama iaitu meneruskan program bantuan dan sokongan untuk memastikan pemulihan negara daripada kesan jangka panjang krisis pandemik terhadap kesihatan awam dan struktur ekonomi selaras pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kerajaan juga katanya, kekal komited dalam memastikan kesinambungan dasar dan bantuan untuk menyokong rakyat dan perniagaan, termasuklah bantuan tunai secara langsung kepada Keluarga Malaysia.

“Dalam bajet kali ini, kita masih beri bantuan secara langsung kepada rakyat.

“Begitu juga kepada peniaga-peniaga mikro yang terpaksa tutup perniagaan dan tiada modal nak buka semula, kita akan beri fokus bagaimana nak bantu mereka,” katanya.